



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIKTARAF PADANG HOKI,  
KOMPLEKS SUKAN BERTAM MBSP, KEPALA BATAS**

### OLEH

**YANG BERHORMAT DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN  
NAINA MERICAN  
MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**7 NOVEMBER 2020 (SABTU)**  
**8.00 MALAM**

**KOMPLEKS SUKAN BERTAM, KEPALA BATAS**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Dato'Seri Reezal Merican Bin Naina Merican**  
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**  
Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Padang Hoki di Kompleks Sukan Bertam. Saya berasa syukur dan bangga kerana program ini masih boleh dijalankan dengan memastikan tatacara atau norma baru perjalanan program diadakan dalam menanggani isu pandemik COVID-19 ini. Yangpasti, kita tidak boleh berasa selesa kerana setiap hari masih terdapat kes-kes baru yang terjadi. Justeru, untuk memastikan Pulau Pinang ke arah zon hijau, marilah sama-sama kita mengamalkan

norma baru dalam kehidupan kita dengan penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka serta *hand sanitizer*.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Dato'Seri Reezal Merican Bin Naina Merican di atas kesudian hadir walaupun di sebelah malam bagi merasmikan Projek Naiktaraf Padang Hoki, Kompleks Sukan Bertam di Kepala Batas ini.

**Yang Berhormat Dato' Seri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pada 16 September 2020, genaplah setahun Seberang Perai bertaraf Bandaraya. Peningkatan status Perbandaran ke Bandaraya tidaklah hanya pada nama, malahan MBSP terus melaksanakan pelbagai perubahan dimana proses dan mekanisme kerja yang lapuk serta birokrasi telah ditambah baik atau dihapuskan untuk memberi perkhidmatan terbaik dan mesra pengguna kepada rakyat Seberang Perai. Pemikiran kreatif dan inovatif sentiasa disuburkan dikalangan warga kerja MBSP melalui penggunaan teknologi IoT, AI dalam persekitaran Industri 4.0.

Sempena Sambutan Hari Bandaraya MBSP telah menganjurkan MBSP Virtual Ride 2020. Program ini melibatkan penyertaan orang awam dan juga kakitangan MBSP untuk sama-sama menjalankan aktiviti riadah berbasikal secara sendirian atau berkumpulan di Kawasan Seberang Perai.

Penyertaan Virtual Ride 2020 adalah percuma, ianya adalah hasil kreatif pegawai dan kakitangan MBSP bagi memastikan rakyat Seberang Perai boleh terus menikmati acara riadah walaupun dalam tempoh PKPP serta pematuhan SOP yang ketat.

MBSP menggalakkan penduduk Seberang Perai mengambil bahagian. Pendaftaran boleh dibuat di pautan <http://bit.ly/MBSPRide2020> dan peserta perlu menghantar bukti kayuhan menggunakan apps GPS. Tarikh tutup permohonan adalah 22 November 2020. Virtual Ride 2020 adalah contoh usaha MBSP untuk membawa perubahan dan menjadikan :

**“Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi”.**

Justeru saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Belia Dan Sukan khususnya kepada YB Menteri. Saya yakin projek naik

taraf ini akan menjadikan Stadium Hoki Bertam tempat tumpuan bagi pertandingan dan latihan bertaraf tempatan dan antarabangsa. Harapan saya semoga projek ini dapat melonjakkan pembangunan ekonomi tempatan (LED) seterusnya Seberang Perai akan lebih resilient.

**Yang Berhormat Dato' Seri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Projek naiktaraf Padang Hoki Kompleks Sukan Bertam ini bermula pada 18 Februari 2019 dan telah siap pada 24 September 2020 dengan kos sebanyak RM4,141,828.00 dengan keluasan 75,600 kaki persegi. Terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana memberi peruntukan untuk pembangunan padang hoki ini. Penambahbaikan ini memberi keselesaan kepada pemain-pemain di mana sebelum ini mereka membuat pertandingan atau latihan di Stadium Hoki USM Pulau Pinang, Dewan Hoki Penang Free School dan Padang Hoki Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian.

Dengan adanya padang hoki ini, secara tidak langsung MBSP dapat membangunkan pasukan hoki terbaik di Malaysia. Selain itu, MBSP juga

bercadang untuk mewujudkan pasukan hoki MBSP sendiri. Perkara ini telah dibincangkan dan MBSP akan mengambil langkah seperti berikut:

1. Mengadakan latihan berjadual seminggu sekali untuk pasukan hoki MBSP.
2. Mengadakan perlawanan persahabatan sebulan sekali untuk memberi pendedahan kepada pemain MBSP.
3. Merancang untuk mengadakan liga/piala di peringkat MBSP, Pihak Berkuasa Tempatan atau terbuka.
4. Mengadakan klinik hoki kepada kakitangan Majlis / orang awam untuk mencuba sukan hoki.
5. Bercadang untuk membawa kejohanan Hoki TNB Liga Pulau Pinang ke padang ini.
6. Penggunaan padang untuk latihan oleh pemain hoki negeri (MSNPP), kelab-kelab hoki dan sekolah-sekolah.
7. Bercadang untuk menganjurkan Kejohanan Hoki Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia.
8. Mendapatkan pengiktirafan *Sijil Federation of International Hockey*

**Yang Berhormat Dato' Seri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-**

**Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP begitu bergiat aktif dalam arena sukan hoki. Di antara penyertaan pasukan hoki MBSP dalam kejohanan-kejohanan Hoki daripada tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti berikut :-

1. Kejohanan Hoki Dewan ( lelaki ) MAKSAK peringkat negeri Pulau Pinang yang berlangsung di gelanggang hoki dewan Penang Free School pada 22 Mac 2015 dan telah mendapat tempat ke-2.
2. Karnival Hoki UNITEN-KPM 2015 yang berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 31 Mei 2015 dan menjadi JOHAN.
3. Kejohanan Hoki Dewan ( Terbuka Lelaki ) anjuran Persatuan Hoki Pulau Pinang yang berlangsung di gelanggang hoki dewan Penang Free School pada 8 Ogos 2015 dan telah mendapat tempat ke-3.
4. Kejohanan Hoki Antarabangsa 6 Sebelah di Pengkalan Hulu Perak yang berlangsung pada 5 Disember 2015 di Mini Stadium Pengkalan Hulu dan layak ke suku akhir kedua.
5. Kejohanan Hoki padang ( 6 sebelah ) MAKSAK peringkat negeri Pulau Pinang yang berlangsung di Padang Hoki Sekolah Mutiara Impian Simpang Ampat pada 9 April 2016.

6. Kejohanan Hoki Terbuka 6 sebelah ( MAKSAK ) Malaysia 2016 yang berlangsung di padang hoki USM Pulau Pinang pada 3 September 2016 dan telah mendapat tempat ke-3.
7. Kejohanan Hoki Kuantan 7 sebelah 2016 yang berlangsung pada 14, 15 dan 16 Oktober 2016 bertempat di Stadium Hoki Bandar Indera Mahkota, Wisma Belia Kuantan dan telah layak ke peringkat separuh akhir.
8. Kejohanan Hoki Piala Datuk Bandar Petaling Jaya 2016 yang berlangsung di Stadium Hoki Petaling Jaya pada 3 dan 4 Disember 2016 dan telah menjadi JOHAN pada kejohanan tersebut.
9. Kejohanan Hoki Terbuka 9 Sebelah Maksak Malaysia yang telah berlangsung pada 12 Mei 2017 bertempat di Stadium Hoki, Taman Daya, Johor Bahru dan telah menjadi Naib Johan kejohanan.
10. Kejohanan hoki (Kuantan 7's hockey challenge edisi ke-4 2017) yang telah berlangsung pada 23 dan 24 September 2017 bertempat di Stadium Hoki Bandar Indera Mahkota, Wisma Belia Kuantan & Padang Hoki SUKPA dan telah layak ke Pusingan 16 pasukan terbaik kejohanan.
11. Kejohanan Hoki Terbuka 6 sebelah ( MAKSAK ) Malaysia 2018 yang berlangsung di padang hoki USM Pulau Pinang pada 7 April 2018 dan telah mendapat tempat ke-6.

12. Kejohanan hoki (Asian Pacific Master Games) yang telah berlangsung pada September 2018 bertempat di Stadium Hoki USM Penang dan telah berjaya menjadi Johan pada kategori 35 – 40 tahun.
13. Kejohanan hoki (Kuantan 7's hockey challenge edisi ke-5 2018) yang telah berlangsung pada 27 dan 28 Oktober 2018 bertempat di Stadium Hoki Bandar Indera Mahkota, Wisma Belia Kuantan dan telah berjaya memperoleh tempat ke-3 pada kejohanan tersebut.
14. Kejohanan hoki Sukan Kerajaan Tempatan ( MALA ) 2019 dan mendapat tempat ke-4 dalam kejohanan tersebut.
15. Menyertai kejohanan Hoki TNB Liga Pulau Pinang 2019 dan layak sehingga peringkat separuh akhir.
16. Seorang pemain MBSP mewakili Pulau Pinang ke Kejohanan Hoki MAKSAK Kebangsaan 2019 dan Pulau Pinang berjaya meduduki tempat ke-3 dalam kejohanan tersebut.

**Yang Berhormat Dato' Seri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Untuk makluman YB Dato'Seri, MBSP telah membuat permohonan dalam RMK12 bagi projek menaiktaraf beberapa kemudahan yang perlu bagi Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas dan Kompleks Sukan Jalan

Betek, Seberang Perai Tengah (SPT). Memandangkan padang hoki Kompleks Sukan Bertam ini telah dinaiktaraf, saya merayu agar YB Dato'Seri juga memperuntukkan sebanyak 10 juta bagi:

<b>Bil.</b>	<b>Huraian/Komponen</b>	<b>Amaun (RM)</b>
1	Naiktaraf boling padang	1,500,000.00
2	Naiktaraf trek sintetik (balapan)	1,500,000.00
3	Naiktaraf padang bola	2,000,000.00
4.	Naiktaraf lampu limpah	1,500,000.00
5.	Naiktaraf bangunan dan infrastruktur	1,500,000.00
6.	Naiktaraf sistem elektrikal dan mekanikal	1,000,000.00
7.	Lantikan perunding	1,000,000.00
<b>Jumlah (RM)</b>		<b>10,000,000.00</b>

Selain itu, saya juga mohon agar Kompleks Sukan Jalan Betek, SPT juga diperuntukkan sebanyak RM10 juta lagi bagi tujuan berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Huraian/Komponen</b>	<b>Amaun (RM)</b>
1.	Naiktaraf trek sintetik	1,500,000.00
2.	Naiktaraf padang bola	2,000,000.00
3.	Naiktaraf lampu limpah	1,500,000.00
4.	Naiktaraf kolam renang	2,000,000.00
5.	Naiktaraf bangunan dan infrastruktur	1,000,000.00
6.	Naiktaraf sistem elektrikal dan mekanikal	1,000,000.00
7.	Lantikan perunding	1,000,000.00
<b>Jumlah (RM)</b>		<b>10,000,000.00</b>

MBSP juga bercadang untuk membangunkan lapangan sasar di Seberang Perai untuk menyediakan ruang rekreasi malahan dapat menarik

pengunjung ke Seberang Perai khususnya Kepala Batas yang berdekatan dengan Lebuh Raya Utara Selatan. MBSP bersedia menyediakan tapak jika Kementerian boleh menyediakan peruntukan bagi membangunkan lapangan sasar tersebut. Saya berharap dengan keprihatinan YB Dato'Seri dan Kementerian Belia dan Sukan, peruntukan bagi cadangan di atas dapat disediakan untuk manfaat rakyat.

**Yang Berhormat Dato' Seri, Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua yang terlibat terutama kepada Kementerian Belia dan Sukan atas keprihatinan terhadap keperluan untuk mengadakan padang hoki yang menepati garis panduan atau kriteria bagi mengadakan pertandingan atau latihan peringkat negeri dan kebangsaan. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Reezal Merican, Menteri Belia dan Sukan kerana sudi turun padang merasmikan Program Naiktaraf Padang Hoki, Kompleks Sukan Bertam ini.

**“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow”** dapat direalisasikan dengan mudah

sekiranya kita semua bersatu hati untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Di kesempatan ini, pastikan kita mengamalkan norma baru kehidupan dengan memakai pelitup muka dan penjarakan sosial dalam isu wabak pandemik Covid 19 yang semakin meningkat ini.

Dengan ini, saya Sudah dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah***,  
***Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh***.

***Sekian,***

***Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.***